

# PENILAIAN *OUTCOME* HARI SUKAN NEGARA 2015

*Wasitah Hj. Mohd Yusof, Shahhanim Yahya & Asnida Abd Hamid*

---

*Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) telah diisytiharkan pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Sambutan HSN telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 24 Mac 2015. Pelaksanaan Hari Sukan Negara ini diadakan dengan mengkhhususkan hari Sabtu minggu kedua pada bulan Oktober sebagai hari untuk rakyat Malaysia seluruh negeri menjalankan aktiviti sukan masing-masing termasuk aktiviti kecergasan dan kesihatan yang berkait rapat dengan sukan dan meningkatkan tahap kesihatan rakyat secara individu atau berkumpulan.*

HSN merupakan suatu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Ia merupakan satu langkah pro-aktif dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan' (*sporting nation*). Oleh yang demikian, HSN dijadikan agenda nasional selari dengan matlamat negara ke arah Wawasan 2020.

Sambutan HSN dilengkapkan dengan pelbagai aktiviti sukan dan riadah bagi memastikan setiap lapisan masyarakat mengambil bahagian meraikan sambutan HSN secara serentak di seluruh pelusuk tanah air. Semua pihak melalui penglibatan sektor awam, swasta dan rakyat keseluruhannya berganding bahu menganjurkan serta menyertai program dan aktiviti sukan dan kecergasan semasa penganjuran HSN.

Pelaksanaan HSN penting dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia menerapkan amalan budaya hidup cergas dan aktif kerana memandangkan peratusan masyarakat Malaysia yang aktif bersukan masih lagi rendah iaitu pada kadar sekitar 40% berbanding dengan 50% hingga 60% di negara maju. Budaya sukan melalui amalan gaya hidup cergas dan aktif pada masa yang sama dapat membantu menurunkan kadar penyakit kronik dalam kalangan rakyat Malaysia.

HSN akan diadakan pada hari Sabtu minggu kedua pada bulan Oktober setiap tahun dan tahun 2015 merupakan kali pertama penganjurannya. Pelaksanaan HSN melibatkan pelbagai peringkat sehingga ke peringkat Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK). Bagi tahun 2015, HSN telah dilaksanakan pada 10 Oktober 2015.

Pelaksanaan HSN menetapkan matlamat untuk meningkatkan tahap bersukan rakyat Malaysia ke arah mencapai status negara bersukan (*sporting action*) yang diharapkan oleh YB Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin. HSN merupakan inisiatif ke arah membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, pelaksanaan ini juga diharap dapat memupuk semangat bersatu padu dalam kalangan rakyat Malaysia dalam bersama-sama menjayakan HSN ini.

## SOROTAN LITERATUR

Kesedaran Masyarakat tentang Kepentingan Bersukan ke arah Mewujudkan Masyarakat yang Berbudaya Sukan.

Bagi merealisasikan Wawasan 2020, Malaysia sebagai salah sebuah negara yang maju, gerakan ke arah membudayakan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia sangat dititikberatkan. Menurut statistik, peratusan masyarakat Malaysia yang berbudaya sukan masih lagi rendah iaitu pada kadar sekitar 40% berbanding dengan 50% hingga 60% di negara maju. Manakala, menurut dapatan Kajian Budaya Sukan 2014 menunjukkan terdapat 39.4% rakyat Malaysia yang masih tidak aktif dalam bersukan serta 19.8% kurang aktif dalam mengamalkan gaya hidup sihat dan hanya 40.8% sahaja yang aktif melibatkan diri dalam sukan (Kajian Budaya Sukan, IYRES, 2014).

Sehubungan dengan itu, bagi menggalakkan rakyat bergiat aktif dalam sukan dan memastikan mereka kekal cergas dan sihat maka KBS mengambil langkah pro-aktif dengan melaksanakan program berunsur kecergasan dengan pendekatan yang lebih dinamik melalui program Fit Malaysia yang telah dilancarkan bermula pada 7 September 2014 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur diikuti dengan siri jelajah yang di adakan di seluruh negara (Laporan Portal Fit Malaysia, 2016).

Sebagai acara kemuncak kepada program Fit Malaysia, sambutan HSN diilhamkan menjadi satu hari ikonik tahunan rakyat Malaysia yang akan dilaksanakan secara serentak di seluruh negara bagi meraikan dan mengiktiraf penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan, seterusnya menjadikan satu gaya hidup rakyat Malaysia (Laporan Portal Fit Malaysia, 2016).

Dasar Sukan Negara 1988 digubal untuk mempromosikan pembangunan sukan dan standardnya di Malaysia secara sistematik dan bersepadu. Dasar ini merangkumi kedua-dua sukan prestasi tinggi dan sukan massa. Dasar ini menjustifikasikan kepentingan sukan untuk meningkatkan pertandingan sihat, muhibah, toleransi, persefahaman dan pembentukan kualiti fizikal dan moral, menyediakan platform yang kondusif untuk penyatuan pelbagai kumpulan etnik ke arah satu negara yang bersatu, serta meningkatkan prestij negara (Dasar Sukan Negara, 1988).

Satu lagi dasar sukan kebangsaan telah dimurnikan pada tahun 2009 iaitu Dasar Sukan Negara semakan 2009. Matlamat utama pengubalan Dasar Sukan Negara adalah untuk mewujudkan budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Walaupun Dasar Sukan Negara semakan 2009 ini lebih menjurus kepada pembudayaan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia, dasar ini masih mengutarakan pemantapan integrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh dan pencapaian kecemerlangan di peringkat antarabangsa. Budaya sukan merangkumi penyertaan dalam aktiviti sukan dan kegiatan fizikal melalui Sukan untuk Semua, Sukan Prestasi Tinggi dan Industri Sukan. Sukan sebagai industri merupakan elemen baru yang tidak terdapat dalam Dasar Sukan Negara 1988 (Dasar Sukan Negara, 2009).

### **Semangat Perpaduan dalam Kalangan Rakyat Pelbagai Kaum**

Fungsi sukan sebagai alat perpaduan di Malaysia telah dikenalpasti sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan sejak 1971 lagi. Sebaik sahaja pelancaran DEB dan pelantikan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua, strategi ke arah keharmonian dan penyatuan kaum, pembangunan belia dan negara telah diberi penekanan yang spesifik. Hal ini jelas dinyatakan dalam Bab XVI, artikel V, Rancangan Malaysia Ke-2 (1971-1975). Melalui artikel ini Majlis Sukan Negara (MSN) merupakan satu agensi KBS yang telah ditubuhkan sebagai alat mempromosi penyatuan kaum melalui sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Tujuan ini telah diwartakan kepada umum melalui ucapan Allayarham Tun Abdul Razak semasa beliau mengasaskan penubuhan MSN pada 21 Februari 1972. Selain isu-isu lain seperti identiti nasional, kebanggaan, kehormatan, pembangunan dan

kesihatan, teks ucapan tujuh perenggan beliau memberi penekanan yang kuat terhadap keharmonian antara kaum, bagi mengelak berulangnya peristiwa hitam Mei 1969 (Akta Majlis Sukan Negara, 2006).

Objektif utama Dasar Sukan Negara adalah untuk membentuk masyarakat yang sihat, berdisiplin dan bersatu; menyediakan peluang dan prasarana untuk memenuhi keperluan sosial, psikologi dan fisiologi asas individu; membangunkan dan memperbaiki amalan bersukan senggang yang menyeronokkan dalam kalangan masyarakat; dan mencapai kecemerlangan pada tahap tertinggi, nasional dan antarabangsa. Dasar ini merangkumi keseluruhan spektrum kontinum aktiviti dari peringkat bermain hingga ke sukan kompetitif di peringkat nasional dan antarabangsa. Manakala Majlis Sukan Negara (MSN) menumpukan perhatian kepada sukan berprestasi tinggi, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) secara keseluruhan lebih tertumpu kepada mempromosi dan membangunkan Sukan untuk Semua pada ketika itu (Dasar Sukan Negara, 2009).

Dasar Sukan Negara memberi hala tuju kepada pembangunan sukan negara ke arah pemupukan integrasi nasional melalui amalan gaya hidup aktif dan sihat, pembinaan kesejahteraan diri dan semangat kesukanan yang tulen. Kejayaan Dasar ini memerlukan kerjasama bersepadu semua agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, badan dan persatuan sukan, badan sukarela serta individu yang terlibat dalam sukan (Dasar Sukan Negara, 2009).

### **Pembudayaan Sukan Melalui Sambutan HSN**

Strategi untuk mencapai matlamat pembudayaan sukan dan pengindustrian sukan telah disenaraikan kepada lapan objektif iaitu: i) memperkasakan budaya penglibatan sukan dalam kalangan masyarakat; ii) meningkatkan pengetahuan dan amalan bersukan ke arah mewujudkan budaya sukan dalam kalangan masyarakat; iii) menggalakkan penyertaan aktiviti sukan yang lebih luas di semua peringkat untuk membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin dan bersatu padu; iv) menyediakan peluang, insentif dan kerjaya untuk memenuhi keperluan asasi individu melalui sukan; v) menyediakan kemudahan sukan bagi keperluan di semua peringkat; vi) memperkukuhkan badan dan organisasi sukan dengan amalan tadbir urus yang profesional; vii) membangunkan sukan sebagai industri; dan (viii) mencapai kecemerlangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan semangat kesukanan yang tulen (Dasar Sukan Negara, 2009).

KBS merupakan tunjang utama kepada proses mempromosikan budaya sukan dalam masyarakat Malaysia. Usaha pelaksanaan program, media dan juga meningkatkan pembangunan kemudahan sukan adalah promosi yang dilaksanakan oleh KBS. Malah, turut diperjelaskan dalam Pelan Strategik KBS 2010-2015 bahawa, pembudayaan sukan untuk semua merupakan salah satu daripada elemen penting dalam Tujuh Teras Strategik KBS selain memantapkan keupayaan dan kapasiti organisasi, pemerkasaan pembangunan insan dan gerakan belia, pengukuhan pembangunan sukan berprestasi tinggi, pembangunan industri sukan sebagai penjana ekonomi, peningkatan jalinan kerjasama dan perkongsian pintar serta pemantapan penyelidikan pembangunan belia dan sukan (Pelan Strategik KBS, 2010-2015).

Selain itu, KBS turut mempromosi budaya sukan menerusi pembangunan prasarana sukan di seluruh negara. Pembangunan ini meningkatkan kemudahan sukan untuk orang ramai seperti Pusat Kegiatan Rekreasi, Pusat Kecergasan, Pusat Transformasi Bandar (UTC), Gym 1Malaysia, Pusat Sukan dan Pusat Sukan Paralimpik. Laporan Persidangan Majlis Perundangan Belia Negara, Sidang 2 (Tahun 2013-2014, Petikan 2.19) memaklumkan bahawa KBS melalui RMK-9 dan RMK-10 telah menyediakan infrastruktur serta kemudahan sukan dengan membina sebanyak 1,870 buah gelanggang futsal 1Malaysia dan gelanggang pelbagai guna (*multi-purpose*) di seluruh negara. Sebanyak 90 buah gym 1Malaysia turut dibina di semua daerah termasuk di Kompleks Belia dan Sukan Negeri dan 14 buah Kompleks Sukan Komuniti dan Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara. Kesemua kemudahan yang disediakan ini bertujuan untuk meningkatkan serta memperkasa aktiviti positif dalam kalangan belia.

Budaya merujuk kepada apa-apa yang difikir, apa-apa yang dilihat, apa-apa yang diperkatakan dan apa-apa yang dilakukan. Dalam konteks budaya sukan, bab ini menggabungkan tiga komponen budaya iaitu penglibatan sukan (*play sport*), kepertontonan suka (*watch sport*) dan perbelanjaan suka (*spending for sport*) (Kajian Budaya Sukan, IYRES, 2014).

Budaya bersukan boleh digambarkan melalui penyertaan dan penglibatan seseorang dalam aktiviti sukan. Sebagai contoh, penyertaan budaya sukan boleh diukur berdasarkan kualiti dan kuantiti usaha yang diambil untuk menyertai aktiviti sukan. Manakala dari segi penglibatan pula, budaya sukan merujuk kepada beberapa aspek: perasaan positif terhadap aktiviti; kepercayaan bahawa aktiviti sukan menambah nilai positif dalam kehidupan; dan mempamerkan komitmen yang tinggi terhadap aktiviti sukan yang dibeberai. Secara ringkasnya, penglibatan diukur dari segi perasaan, nilai, dan komitmen seseorang terhadap aktiviti sukan (Kajian Budaya Sukan, IYRES, 2014).

## KAEDAH

Penilaian ini menggunakan dua kaedah iaitu survei secara atas talian dan penilaian sempena sambutan HSN 2015 pada 10 Oktober 2015. Survei secara atas talian telah dilaksanakan sebelum sambutan HSN secara serentak di seluruh negara bermula dari 5 hingga 10 Oktober 2015.

Penilaian ini melibatkan penyelidik IYRES yang berperanan sebagai juru audit/penilai program/aktiviti yang dianjurkan sempena HSN di semua negeri di Malaysia. Penilaian ini dilaksanakan ke atas program dan aktiviti yang dianjurkan sempena sambutan HSN yang dianjurkan oleh KBS yang diadakan serentak di seluruh negara pada 10 Oktober 2015.

Kaedah penilaian dilaksanakan menggunakan Instrumen Penilaian dan Pengauditan Pelaksanaan Aktiviti Pembangunan Belia/Sukan yang telah disesuaikan dan diubahsuai mengikut ketetapan pelaksanaan dan sasaran objektif bagi sambutan HSN 2015 yang dilaksanakan buat pertama kali bagi tahun 2015. Kaedah pemerhatian tanpa turut serta juga digunakan dalam penilaian ini bagi memperkukuhkan dapatan penilaian terhadap pencapaian *outcome* sambutan HSN.

### Kerangka Pelaksanaan Penilaian dan Pengauditan

Kerangka ini adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 1/2012. Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan melalui Penilaian *Outcome* oleh ICU, JPM.



## ANALISIS, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan demografi responden yang memberikan maklum balas terhadap penilaian berkenaan pengetahuan dan tahap kesedaran golongan belia mengenai pelaksanaan HSN 2015. Majoriti daripada responden berumur antara 26 hingga 30 tahun iaitu sebanyak 41.6% manakala yang paling minimum merupakan kategori umur antara 15 hingga 20 tahun iaitu 4.3%. Dari segi kawasan tempat tinggal pula, sebanyak 72.7% tinggal di bandar manakala 27.3% tinggal di kawasan luar bandar.

Jadual 1: Demografi Responden Kajian HSN 2015


Umur	Peratus
15 – 20 tahun	4.3%
21 – 25 tahun	18.4%
26 – 30 tahun	41.6%
31 – 35 tahun	25.5 %
36 – 40 tahun	10.2%

Lokality	Peratus
Bandar	72.7%
Luar Bandar	27.3%

Rajah 1 menunjukkan sumber maklumat yang diperolehi oleh responden mengenai pelaksanaan HSN 2015. Sebanyak 27% menyatakan menerima hebahan melalui media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Whatsapp*, *Instagram* dan sebagainya. Manakala 22% menerima hebahan melalui media elektronik iaitu televisyen dan radio, dan 20% menyatakan hebahan diterima daripada media cetak seperti surat khabar, majalah serta hebahan *flyer*, poster atau *banner*. Seterusnya 11% mengetahui daripada laman web rasmi KBS, Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN), serta laman web HSN. Terdapat 11% menyatakan bahawa mereka menerima hebahan dari Program Fit Malaysia yang telah diadakan sebelum ini dan 8% adalah melalui makluman dari rakan atau ahli keluarga.

Rajah 1: Sumber Maklumat Mengenai Hari Sukan Negara 2015



Jadual 2 di bawah menunjukkan pernyataan yang berkaitan tentang kesedaran golongan belia terhadap pelaksanaan HSN 2015. Secara keseluruhan, golongan belia tahu akan pelaksanaan HSN 2015 iaitu dari segi tarikh pelaksanaannya, serta merupakan kemuncak penganjuran program Fit Malaysia yang telah dianjurkan di seluruh Malaysia dan juga kesediaan untuk mengambil bahagian pada HSN tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat maklum balas bahawa kebanyakan dari responden tidak tahu bahawa pelaksanaan HSN akan diadakan setiap tahun pada hari Sabtu minggu kedua dan majoriti berminat untuk mengetahuinya dengan lebih lanjut.

**Jadual 2: Kesedaran terhadap Pelaksanaan HSN 2015**

<b>Pernyataan</b>	<b>Ya / Tahu</b>	<b>Tidak / Tidak tahu</b>
Adakah anda pernah mendengar tentang 'Hari Sukan Negara 2015'?	90.7%	9.3%
Adakah anda tahu bahawa 'Hari Sukan Negara' akan disambut pada minggu kedua (Sabtu), bulan Oktober setiap tahun?	38.3%	61.7%
Jika tidak, adakah berminat untuk mengetahuinya lebih lanjut?	89.5%	10.5%
Adakah anda tahu bahawa 'Hari Sukan Negara' akan disambut pada 10/10/2015 pada tahun ini?	80.1%	19.9%
Adakah anda tahu bahawa 'Hari Sukan Negara' adalah kesinambungan daripada Program Fit Malaysia?	42.4%	57.6%
Adakah anda akan mengambil bahagian pada 'Hari Sukan Negara'?	67.9%	32.1%

#### **Penilaian Sebelum, Semasa dan Selepas Pelaksanaan Penganjuran Hari Sukan Negara 2015**

Penilaian bagi sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan HSN adalah berdasarkan kepada penggunaan skala Likert iaitu dari [1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sederhana, 4 = setuju, 5 = sangat setuju] terhadap pernyataan berkaitan yang dinyatakan di dalam instrumen penilaian pengauditan pelaksanaan aktiviti pembangunan belia/sukan di peringkat setempat.

##### *Sebelum Pelaksanaan HSN 2015*

Jadual 3 menunjukkan pernyataan yang berkaitan dengan persediaan yang dilakukan oleh penyelaras setiap aktiviti sebelum pelaksanaan HSN 2015. Secara keseluruhan, persediaan sebelum penganjuran HSN berjalan dengan lancar dengan majoriti menyatakan pada tahap sederhana, setuju dan sangat setuju terhadap setiap pertanyaan yang berkaitan.

Antaranya, penelitian terhadap kertas konsep 53.2% menyatakan setuju, 46.8% menyatakan setuju dan sangat setuju terhadap pelaksana aktiviti dijelaskan mengenai maklumat pelaksanaan, 57.4% bersetuju objektif dan golongan sasaran jelas. Seterusnya, 48.9% sangat setuju lokasi aktiviti dimaklumkan awal, 57.4% bersetuju kos dan perbelanjaan aktiviti telah dirancang, 55.3% sangat setuju terhadap pernyataan kandungan/pengisian aktiviti jelas dan 48.9% menyatakan bersetuju dengan penilaian pelaksanaan aktiviti telah dirancang. Walau bagaimanapun, terdapat penyelaras yang tidak setuju kepada pernyataan seperti lokasi aktiviti dimaklumkan awal, kos dan perbelanjaan, kandungan dan pengisian aktiviti jelas serta penilaian pelaksanaan aktiviti telah dirancang.

**Jadual 3: Penilaian Sebelum Pelaksanaan HSN 2015**

BIL	PERNYATAAN	1	2	3	4	5
7.	Penelitian terperinci terhadap Kertas Konsep Pelaksanaan	-	-	6.4%	53.2%	19%
8.	Pelaksana aktiviti dijelaskan mengenai maklumat pelaksanaan	-	-	6.4%	46.8%	46.8%
9.	Objektif aktiviti jelas	-	-	42.6%	57.4%	38.3%
10.	Golongan sasaran jelas	-	-	4.3%	57.4%	38.3%
11.	Lokasi aktiviti dimaklumkan awal	-	2.1%	4.3%	44.7%	48.9%
12.	Kos dan perbelanjaan aktiviti telah dirancang	-	2.1%	2.1%	57.4%	38.3%
13.	Kandungan/ pengisian aktiviti jelas	-	2.1%	-	42.6%	55.3%
14.	Penilaian pelaksanaan aktiviti telah dirancang	-	2.1%	6.4%	48.9%	42.6%

*Semasa Pelaksanaan HSN 2015*

Jadual 4 menunjukkan penilaian semasa pelaksanaan HSN 2015 yang merangkumi kebolehlaksanaan aktiviti yang dirancang, penjadualan teratur, penceramah/fasilitator menepati aktiviti, perkhidmatan urusetia baik dan kewujudan jaringan hubungan. Secara keseluruhan, semua kenyataan adalah dipersetujui dan proses pelaksanaan penganjuran HSN 2015 berjalan dengan lancar.

Sebanyak 53.2% menyatakan setuju terhadap kebolehlaksanaan aktiviti yang dirancang, 51.1% setuju penjadualan adalah teratur, 44.7% juga bersetuju bahawa penceramah/fasilitator/kem komandan menepati aktiviti, 46.8% bersetuju dengan perkhidmatan dan peranan urusetia yang baik serta kepada pernyataan wujudnya jaringan hubungan, 48.9% menyatakan sangat setuju.

**Jadual 4: Penilaian Semasa Pelaksanaan HSN 2015**

BIL	PERNYATAAN	1	2	3	4	5
15.	Kebolehlaksanaan aktiviti yang dirancang berjalan lancar	-	2.1%	2.1%	53.2%	42.6%
16.	Penjadualan teratur	-	2.1%	12.8%	51.1%	34.0%
17.	Penceramah/Fasilitator/Kem Komandan menepati aktiviti	2.1%	-	4.3%	44.7%	34.0%
18.	Perkhidmatan dan peranan urusetia baik		2.1%	4.3%	46.8%	44.7%
19.	Kewujudan jaringan hubungan		2.1%	4.3%	44.7%	48.9%

*Selepas Pelaksanaan HSN 2015*

Jadual 5 menerangkan penilaian selepas pelaksanaan HSN 2015. Dari segi sasaran objektif tercapai, majoriti menyatakan setuju dan sangat setuju terhadap pernyataan yang berkaitan.

Antaranya ialah 51.1% bersetuju bahawa sasaran objektif tercapai, 66% bersetuju dengan kandungan dan pengisian yang menepati kehendak belia dan 61.7% setuju kandungan/pengisian menepati kehendak belia. Dari segi tempoh pelaksanaan mencukupi 46.8% bersetuju, 57.4% menyatakan setuju terhadap penyediaan bahan yang mencukupi. Manakala dari segi lokasi aktiviti yang telah dirancang 51.1% setuju terhadap pernyataan ini, 55.3% menyatakan bersetuju bahawa perkhidmatan sumber dan informasi baik serta 48.9% setuju terhadap pernyataan urusetia melaksanakan tanggungjawab seperti yang dirancang.

Sebanyak 42.6% sangat setuju bahawa pelaksanaan menepati perancangan dan 44.7% setuju peruntukan kewangan mencukupi. Manakala dari segi penilaian pula, 25.5% setuju borang penilaian peserta disediakan dan borang penilaian peserta difahami. Seterusnya, 61.7% sangat bersetuju bahawa aktiviti seperti ini perlu diteruskan dan 46.8% juga menyatakan sangat setuju untuk melibatkan peranan bersama oleh pelaksana dalam melaksanakan aktiviti yang lebih baik. Secara keseluruhan, 48.9% menyatakan setuju terhadap pelaksanaan sepenuhnya aktiviti sempena penganjuran HSN 2015 dan 53.2% sangat setuju untuk mencadangkan kepada orang lain untuk menyertai aktiviti.

**Jadual 5: Penilaian Selepas Pelaksanaan HSN 2015**

BIL	PERNYATAAN	1	2	3	4	5
21.	Sasaran Objektif tercapai	-	-	-	51.1%	48.9%
22.	Kandungan/pengisian menepati keperluan belia	-	-	-	66%	34%
23.	Kandungan/pengisian menepati kehendak belia	-	-	2.1%	61.7%	36.2%
24.	Tempoh masa pelaksanaan mencukupi	-	-	10.6%	46.8%	42.6%
25.	Penyediaan bahan mencukupi	-	-	8.5%	57.4%	34%
26.	Lokasi aktiviti seperti yang telah dirancang	-	-	6.4%	51.1%	42.6%
27.	Perkhidmatan sumber dan informasi baik	-	2.1%	12.8%	55.3%	29.8%
28.	Urus setia melaksanakan tanggungjawab seperti yang dirancang	-	-	4.3%	48.9%	46.8%
29.	Pelaksanaan menepati perancangan	-	-	17%	40.4%	42.6%
30.	Peruntukan kewangan mencukupi	6.4%	8.5%	10.6%	44.7%	23.4%
31.	Borang penilaian peserta disediakan	19.1%	14.9%	4.3%	25.5%	6.4%
32.	Borang penilaian peserta difahami	19.1%	14.9%	2.1%	25.5%	10.6%
33.	Aktiviti seperti ini perlu diteruskan	-	-	-	36.2%	61.7%
34.	Peranan bersama oleh pelaksana bersama aktiviti baik	-	-	6.4%	46.8%	46.8%
35.	Keseluruhan aktiviti baik	-	-	4.3%	48.9%	46.8%
36.	Mencadangkan orang lain menyertai aktiviti ini	-	-	2.1%	44.7%	53.2%
37.	Mencadangkan Penceramah/Fasilitator/Kem Komandan ini bagi pelaksanaan aktiviti lain	2.1%	-	2.1%	46.8%	38.3%

## SYOR DAN CADANGAN

Melalui bab ini, beberapa syor dan cadangan terhadap sambutan dan penganjuran HSN 2015 dikemukakan bagi penambahbaikan pelaksanaan di masa akan datang. Syor dan cadangan yang dikemukakan merangkumi:

- Pelaksanaan aktiviti sempena HSN dapat dijalankan dengan lebih meriah dan mendapat lebih banyak penyertaan sekiranya dirancang dengan lebih strategik dan sistematik di peringkat awal;
- Pada masa akan datang, konsep pelaksanaan HSN dicadangkan untuk ditetapkan dan diseragamkan supaya perancangan bagi pengisian aktiviti lebih tertumpu dan memberi fokus kepada sesuatu yang khusus. Di samping itu, penganjuran aktiviti juga akan lebih terkawal dan menepati keperluan serta kepentingan di peringkat setempat;
- Promosi dan hebahan juga wajar dilaksanakan lebih meluas supaya dapat menarik lebih ramai penyertaan masyarakat dalam usaha membudayakan aktiviti bersukan dalam kalangan masyarakat Malaysia serta mewujudkan suasana penyatuan kaum di dalam suatu program melalui penganjuran aktiviti sempena HSN;



- d) Perancangan awal dilihat sangat perlu bagi memastikan kelancaran sambutan HSN setiap tahun. Di samping itu, perancangan tambahan (back-up plan) perlu sekiranya terdapat sebarang kesulitan yang tidak dapat dielakkan semasa hari sambutan;
- e) Aktiviti HSN yang telah dijalankan wajar diteruskan bagi mengekalkan dan menarik lebih ramai penyertaan serta menjadikan aktiviti tersebut sentiasa mendapat sambutan secara konsisten setiap tahun;
- f) Pemilihan lokasi yang lebih sesuai harus diutamakan dalam memastikan keselesaan peserta dan pengunjung untuk menyertai sambutan HSN yang meliputi kawasan tempat kereta yang bersesuaian, keluasan tapak untuk menjalankan aktiviti bersukan selain mengambil kira faktor cuaca terutama bagi kawasan Pantai Timur; dan
- g) Penganjuran aktiviti sukan baru perlu diketengahkan seperti parkour, dodge ball, lompat tali berirama, frisbee dan waterskiing. Pelaksanaan aktiviti sukan tersebut dapat dipromosikan bagi menarik lebih ramai penyertaan masyarakat dan penyertaan bakat baru untuk aktiviti sukan tersebut.

## RUMUSAN

Penilaian ke atas pelaksanaan HSN ini diharap akan dapat memberi satu dapatan (*outcome*) yang memberangsangkan serta menjadi penanda aras kepada pelaksanaan penganjuran sedemikian pada masa akan datang. Ia juga dapat dijadikan rujukan yang boleh digunapakai ke arah matlamat akhir pembentukan Negara Bersukan (*Sporting Nation*). Kajian ini juga mengumpulkan dapatan dan bukti pelaksanaan HSN dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Secara keseluruhannya, maklumbalas positif diterima dengan menyarankan agar program ini dapat diteruskan di masa akan datang dengan susunan program/aktiviti yang lebih menarik bagi menarik lebih ramai penyertaan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.

Selain itu, dalam usaha untuk mencapai status negara bersukan, usaha membudayakan sukan patut dijalankan dengan lebih kerap dan menyeluruh. Ini meliputi segala jenis aktiviti kecergasan yang mencakupi segenap pelusuk negara. Secara tidak langsung, penganjuran aktiviti sebegini akan dapat mengubah mentaliti masyarakat dalam usaha untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat.

Kajian ini diharapkan dapat merungkai segala persoalan yang dikemukakan berdasarkan objektif yang ingin dicapai melalui pelaksanaan HSN. Dapatan kajian ini boleh diaplikasikan dalam persediaan melaksanakan HSN yang lebih efisien pada tahun-tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, kejayaan kepada sesuatu kajian/program memerlukan keterlibatan semua pihak sama ada kerajaan, swasta dan masyarakat secara keseluruhannya.

## RUJUKAN

- IYRES. 2014. Kajian Budaya Sukan dalam Kalangan Masyarakat. Laporan Kajian, IYRES, Putrajaya.
- IYRES. 2015. Statistik Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Putrajaya.
- KBS. 2014. Laporan Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara, Sidang 2 (Tahun 2013-2014, Petikan 2.19).
- Malaysia. 1975. Rancangan Malaysia Kedua. Unit Perancang Ekonomi: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. 1988. Dasar Sukan Negara. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Malaysia. 2006. Akta Majlis Sukan Negara. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Malaysia. 2009. Dasar Sukan Negara. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Malaysia. 2010. Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan 2010-2015. Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya.
- Malaysia. 2012. Surat Pekeliling Am Bil. 1/2012. Garis panduan pengukuran pencapaian program/projek Pembangunan melalui penilaian outcome. ICU, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Malaysia. 2015. Indeks Belia Malaysia. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Putrajaya.
- Malaysia. 2015. Dasar Belia Malaysia 2015-2035. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Putrajaya.
- Malaysia. 2016. Rancangan Malaysia Kesebelas. Unit Perancang Ekonomi: Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Putrajaya.
- Malaysia. 2016. Laporan Portal Fit Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya.